



PELAWAAN TENDER TERBUKA

URUS & TADBIR DEWAN-DEWAN MPS SECARA PENSWASTAAN

**MPS MEMPELAWA SYARIKAT YANG BERMINAT UNTUK MENGURUSKAN DEWAN-DEWAN MPS
SECARA PENSWASTAAN YANG TERTERA DI BAWAH**

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1	Syarikat hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
2	Syarikat atau ahli lembaga mempunyai pengalaman luas dalam bidang pengurusan mengurus acara serta perniagaan
3	Syarikat perlu mengemukakan penyata kewangan syarikat (12bulan)
4	Sekiranya pihak syarikat tidak hadir semasa lawatan tapak dan taklimat, permohonan akan ditolak
5	Pemohon yang berminat hendaklah mengemukakan kertas cadangan yang mempunyai maklumat yang lengkap dan perlu mengikut garis panduan penyediaan kertas cadangan seperti Borang A dan boleh didapati di bahagian penswastaaan dan pelaburan, jabatan penilaian dan pengurusan harta MPS
6	Cadangan pengurusan dan pentadbiran dewan-dewan MPS secara penswastaaan ini perlu mengikut Terma dan Syarat permohonan

TERMA DAN SYARAT PERMOHONAN DOKUMEN

1	Kegagalan dalam mengemukakan maklumat/dokumentasi yang dikehendaki boleh menyebabkan cadangan urus tadbir dewan yang dikemukakan ditolak
2	Segala kos yang terlibat di dalam penghantaran tender dewan-dewan ini adalah di bawah tanggungan sepenuhnya oleh syarikat yang berminat
3	Kertas cadangan dewan-dewan ini perlu dikemukakan di dalam bahasa melayu sebelum jam 3:00 petang pada 30 November 2020. sebarang cadangan yang diterima lewat daripada waktu dan tarikh yang ditetapkan akan ditolak
4	Cadangan urus tadbir dewan-dewan ini perlu dikemukakan di dalam bentuk satu (1) <i>softcopy</i> dan satu (1) <i>hardcopy</i> ke alamat berikut: PENGARAH, JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA, TINGKAT 3, MENARA MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG, PERSIARAN 3, BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN
5	Syarikat perlu memastikan cadangan urus tadbir dewan-dewan ini dimasukkan ke dalam sampul bersaiz A4 yang ditutup kemas dan bahagian atas kanan sampul surat tersebut perlu ditulis/tertera: "PELAWAAN TENDER TERBUKA URUS TADBIR DEWAN-DEWAN MPS SECARA PENSWASTAAN"